

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

18 LEBIH RAMAI ALUMNI USM DISERU MENDAFTAR MAR SEBAGAI AHLI - PENAUNG PAUSM



USM, PULAU PINANG, 18 Mac 2017 - Persatuan Alumni Universiti Sains Malaysia (PAUSM) seharusnya terus berdiri kukuh dan menjadi lambang kemegahan sebuah institusi yang memegang moral dan integriti yang tinggi serta memberi aspirasi kepada setiap dari warganya.

Demikian tegas Pro Canselor merangkap penaung PAUSM, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur dalam Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Alumni Universiti Sains Malaysia (USM) kali ke-21 hari ini.

Katanya, ini adalah bagi meneruskan kesinambungan PAUSM dalam membantu Universiti ini mencapai hala tujuanya yakni untuk mentransformasikan pendidikan tinggi untuk kelestarian hari esok.

"Hari ini juga, kita dapat melihat alumni-alumni USM membawa nama institusi ini ke serata dunia, malah ada di antaranya telah menjadi begitu tersohor dengan pelbagai pencapaian yang cukup luar biasa dan USM kini mempunyai sejumlah 159,434 alumninya baik di dalam maupun di luar negara.



"Sebagai salah seorang alumni USM, saya turut berkongsi rasa teruja dan berbangga dengan pencapaian para alumni kita yang saya fikirkan tidak akan lupa dengan keistimewaan dan pengalaman yang pernah Universiti ini berikan dalam mencorak kehidupan mereka.

"Sebuah institusi yang 'hidup' sebenarnya adalah institusi yang dapat memberi impak dan memberikan rasa kepunyaan yang tinggi dalam kalangan warganya," jelasnya.

Di kesempatan ini juga, Mustafa amat berharap agar warga alumni tidak pernah jemu untuk mencerah bakti dalam pelbagai cara untuk terus melestarikan dan membangunkan menara ilmu yang dicintai ini.

"PAUSM dapat membangunkan jaringan yang kuat untuk masa hadapan USM dan kerana itu, saya menyeru semua alumni USM menjadi ahli PAUSM dan berharap usaha dipertingkatkan bagi mendorong lebih ramai alumni yang mendaftar diri sebagai ahli," ujarnya lagi.



Sementara itu, Naib Canselor USM yang juga Ahli Kehormat PAUSM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail dalam ucapan perasmianya menegaskan bahawa ramai alumni USM yang telah menjadi 'towering personalities' dalam bidang masing-masing.

"Saya menyeru agar alumni terus bersama universiti, jangan merasa terpisah, we need to have a spirit of togetherness," katanya yang juga menyampaikan pembentangan tentang perkembangan terkini dan hala tuju USM.



Yang turut hadir adalah Presiden PAUSM 2015-2017, Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak.

Teks: Hafiz Meah Ghouse Meah / Foto: Mohd Fairus Md. Isa



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellery II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015